



الأيام – Hari-hari dalam Bahasa Arab bersama Didi
& Friends

by SITI MARYAM AJ JALILAH BINTI ROSLAN KPM-Guru



Pencerita: Assalamualaikum, teman-teman!
Mari kita belajar tentang hari-hari dalam
seminggu dalam Bahasa Arab bersama Didi &
Friends! Hari pertama kita adalah يوم الأحد -
Yaumul Ahad, Hari Ahad! Didi membantu ibu
membersihkan rumah, dengan gembiranya dia
menyapu dan mengelap.



Pencerita: Wow, seronoknya! Sekarang, kita belajar hari kedua, يوم الإثنين - Yaumul Isnain, Hari Isnin! Nana pergi ke sekolah dengan senyuman lebar. Dia belajar dengan tekun, membaca buku dan menulis di papan hitam. Kawan-kawan semua, mari kita ikut Nana ke sekolah!





Pencerita: Seterusnya, kita tiba pada يوم الثلاثاء - Yaumuth Thulathaa, Hari Selasa! Jojo pergi bermain di taman yang indah. Dia bermain buaian, gelongsor, dan berlari gembira di taman yang dipenuhi bunga berwarna-warni. Seronoknya bermain di taman!



Pencerita: Sekarang, mari kita lihat يوم الأربعاء
- Yaumul Arba'a, Hari Rabu! Didi membaca buku cerita yang menarik. Dia duduk di bawah pokok, membayangkan kisah-kisah yang menakjubkan dari buku yang dibacanya. Buku apa yang Didi baca hari ini?



Pencerita: Pada hari Khamis, iaitu يوم الخميس - Yaumul Khomiis! Nana membantu kawan-kawannya di dalam kelas. Mereka belajar bersama-sama, berkongsi pensel warna, dan saling membantu dalam setiap tugas. Betapa baiknya Nana!



Pencerita: Hari Jumaat adalah يوم الجمعة - Yaumul Jumu'ah! Hari ini, semua pergi ke masjid untuk belajar adab solat. Didi, Nana, Jojo, dan rakan-rakan lain belajar dengan penuh perhatian. Mari kita semua belajar bersama!